

26/10/2003

Pak Lah sedia ambil alih tugas PM ke-5

Jamudin Idris

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau sudah bersedia untuk mengambilalih jawatan Perdana Menteri kelima, minggu depan sekali gus sanggup menghadapi segala cabaran atau masalah dari dalam dan luar negara.

Timbalan Perdana Menteri mengakui akhir-akhir ini banyak cabaran negara seperti ada usaha untuk menyekat kedatangan pelancong asing ke Malaysia atau memboikot negara ini tetapi semua itu akan dapat diatasi dengan sokongan semua pihak.

Sambil berjanji akan menjalankan tugas sebaik mungkin dengan memikul semua amanah dan tanggungjawab, Abdullah yakin beliau akan mendapat sokongan padu dan kerjasama daripada semua pihak.

"Saya telah pergi banyak tempat dalam sebulan dua ini dan semuanya melahirkan sokongan dan kesediaan untuk bekerjasama dengan saya," katanya

pada sidang media selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-22 Persekutuan Persatuan-Persatuan Hokkien Malaysia di sini, semalam.

Beliau turut menggesa rakyat, tanpa mengira agama atau bangsa, supaya bekerjasama mengeratkan perpaduan bagi mengekalkan kemajuan yang telah dicapai negara.

"Sebenarnya kalau pun kita pandai, rajin bekerja dan ada ilmu pengetahuan tetapi kalau negara tidak selamat dan kucar-kacir maka kita tidak boleh buat apa-apa...maka sebab itu saya menegaskan betapa pentingnya kita pastikan negara kita aman dan selamat," katanya.

Beliau gembira kerana banyak pihak termasuk dari komponen Barisan Nasional sendiri memberi pengakuan secara terbuka untuk menyokongnya.

Abdullah berkata, perpaduan adalah benteng penting dalam menghadapi cabaran dan ia seperti kata pepatah Melayu seperti aur dengan tebing yang saling memerlukan.

"Jika perpaduan kukuh, aur dan tebing sama-sama kuat tetapi jika tebing sudah runtuh, aur juga akan tumbang," kata Abdullah yang turut menerima sebuah lukisan cat Cina mengenai buluh bertajuk 'Kami Adalah Sekeluarga'.

Abdullah berkata, salah satu contoh cabaran paling hebat yang di hadapi ialah ketika berlaku krisis kewangan tahun 1997 tetapi dengan kebijaksanaan Dr Mahathir dan sokongan semua pihak cabaran itu diatasi dengan jayanya.

Katanya, walaupun kerajaan banyak memainkan peranan pada waktu itu dan orang luar menuduh tindakan yang diambil kerajaan tidak wajar, yang nyata Malaysia berjaya memulihkan ekonomi negaranya.

"Sepanjang 22 tahun Dr Mahathir memimpin negara, beliau memberi sumbangan cukup besar untuk menjadikan Malaysia maju dan dihormati," katanya.

Abdullah berkata, menjelang beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri, adalah menjadi tugasnya untuk mempertahankan keselamatan dan keharmonian rakyat.

Beliau mengingatkan rakyat supaya jangan terbabit dengan kegiatan pelampau kerana kerajaan tidak akan bertolak ansur dengan golongan seumpama itu.

"Kerajaan tidak dapat menerima sebarang bentuk pelampau sama ada ia berasaskan kaum, agama atau ideologi politik kerana ia akan mengancam negara," tegas Abdullah.